

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn  
di-upachara meresmikan bangunan tambahan Sekolah  
Kebangsaan Sri Tasek, Seberang Perai Pulau Pinang  
pada 11.10.71 jam 2.30 petang

Terlebeh dahulu saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada ahli2 Lembaga Pengurus dan guru2 di-sekolah ini yang telah sudi menjemput saya ka-sini untok merasmikan pembukaan sekolah ini. Saya sangat2 sukachita mendengar laporan kemajuan sekolah yang telah di-sampaikan oleh Tuan Pengerusi Juma'ah Pengurus dan Guru Besar tadi dan saya perchaya dengan kerjasama dari kesemua pehak sekolah ini akan mendapat kejayaan yang lebeh pesat lagi di-masa akan datang.

Saperti mana yang telah di-sebutkan oleh Guru Besar tadi, sekolah ini telah mula di-wujudkan di-dalam tahun 1890 ia-itu lebeh daripada 80 tahun dahulu, hampir2 satu kurun. Ini menunjokkan bahawa bidang pelajaran di-kampong ini mempunyai sejarah yang lama. Sekolah yang berasal di-rumah Datok Penghulu dahulu sekarang ini meningkat maju dengan bangunan baru-nya saperti yang tuan2 sakalian dapat saksikan pada hari ini.

Sungguh pun kemajuan sekolah ini patut di-banggakan, tetapi maseh ada lagi kemudahan2 yang patut di-adakan atau di-perbaiki dan saya akan mengambil ingatan berkenaan ini.

Perkembangan dan kemajuan pelajaran terutama di-kawasan2 luar bandar ada-lah menjadi matalamat utama Kementerian Pelajaran. Kita sedar betapa penting-nya kemajuan negara kita bergantung kapada pelajaran. Belanjawan pelajaran telah meningkat dari \$164.9 juta di-dalam tahun 1960 kapada \$528.7 juta di-dalam tahun 1971; di-dalam masa 10 tahun perbelanjaan pelajaran berlipat ganda, hampir2 tiga kali ganda. Ini menunjokkan dengan jelas keutamaan yang di-beri oleh kerajaan di-dalam bidang pelajaran. Sa-banyak 14 buah sekolah baru dan 66 buah bangunan sekolah tambahan; 8 buah sekolah menengah baru dan 35 bangunan tambahan akan di-benakan di-dalam masa Rancangan Malaysia Yang Kedua ini (dari tahun 1971 - 1975). Bangunan2 baru dan bangunan2 tambahan ini ia-lah untok memberi kemudahan2 yang lebeh baik kapada anak2 kita. Bagi seluroh Malaysia ada-lah di-jangka bahawa 238 buah sekolah baru akan di-bena dan 1,744 buah sekolah yang ada sekarang ini akan mendapat bangunan2 tambahan. Segala kemudahan2 yang di-sediakan itu bertujuan untok meninggikan lagi mutu pelajaran. Matalamat kita di-dalam lima tahun yang akan datang ia-lah memper-baiki dan meninggikan taraf serta mutu pelajaran di-segala perengkat terutama di-kawasan2 di-luar bandar.

Tuan2 dan Puan2, kita berada di-zaman moden yang berdasarkan sains dan teknologi. Perubahan2 yang berlaku di-sekeliling kita, kemajuan2 yang telah di-chapai, bukan sahaja di-negeri kita bahkan di-seluroh dunia ada-lah bagitu pesat kerana sains dan teknologi.

Kementerian Pelajaran sedang memberi perhatian yang khas kepada pengajian dan pelajaran sains dan ilmu hisab di-sekolah2 kita dari perengkat sekolah rendah lagi. Usaha2 memajukan pelajaran sains di-sekolah2 kita akan terus di-jalankan dengan membena banyak lagi makmal2 sains, menambah lagi bilangan kelas2 ini. Usaha2 sedang di-jalankan untok menyemak sukatan2 pelajaran sains dan ilmu hisab supaya selaras dengan perkembangan baru di-dalam mata pelajaran tersebut.

Matalamat pengajaran hisab dan sains yang sedang di-majukan di-sekolah2 rendah dan menengah ada-lah untok membentok daya pemikiran kanak2 sekolah sesuai dengan keperluan pembangunan Malaysia sekarang. Negara Malaysia memerlukan warganegara yang mahir dan terlatih di-dalam berbagai lapangan kerja, yang akan bertugas di-pelbagai bidang perusahaan, yang akan memberi sumbangan yang positif terhadap pembangunan negara, yang akan boleh membuat keputusan yang waras dari hal kehidupan mereka yang akan datang. Warganegara2 yang sa-demikian semesti-nya adalah mereka2 yang mempunyai dasar matapelajaran sains dan teknologi, yang telah membentok daya pemikiran yang kritikal dan rasional.

Tentu-nya usaha2 Kementerian Pelajaran untok menchapai matalamat ini tidak akan mendapat kejayaan yang di-harapkan jika kira-nya pihak Kementerian bertugas sendiri. Pihak2 berkenaan yang lain harus-lah berkerjasama demi matalamat ini. Yang saya maksudkan di-sini ia-lah pihak guru, murid, dan yang lebeh penting ia-lah pihak ibu bapa.

Kanak2 kita berada di-sekolah hanya kira2 enam jam dalam sa-hari. Masa2 yang lain itu ada-lah di-kalangan kawan2 sebaya, sa-bahagian besar pula ada-lah di-kalangan keluarga-nya. Kita tidak boleh menafikan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang besar bagi membentok pemikiran dan kemajuan kanak2 kita ini. Ibu bapa boleh mendorong kanak2 supaya memberi perhatian yang lebeh kapada bidang sains dan teknologi, supaya kanak2 itu akan memupok pemikiran yang sehat terhadap kedua2 mata pelajaran itu. Bekerja di-dalam bidang perusahaan ada-lah mulia, tidak ada beza-nya dengan pekerja di-pejabat. Sikap bagini-lah yang maha penting bagi memajukan kanak2 kita di-dalam bidang sains dan teknologi.

Saya mengambil kesempatan ini berseru kapada pihak guru besar dan guru2 supaya meneruskan tugas mulia di-dalam bidang pelajaran ini, dan kapada murid2 sakalian supaya lebeh tekun dan rajin menghadapi masa persekolahan mereka ini, demi kejayaan pembangunan negara kita. Dengan itu, saya dengan segala sukachita merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Sri Tasek dan juga Pameran Sains dan Ilmu Hisab anjoran bersama Sekolah2 Kebangsaan di-Daerah Nibong Tebal ini.





No. Siri	76
No. Penerimaan	76/80